



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 4/2006

Okt. - Dis. 2006/Ramadhan - Zulhijjah 1427

www.pkink.gov.my edaran Percuma

Menarik di dalam



m. surat 3
Tazkirah
bulanan



m. surat 6
Pembentangan
pakej/piawai
pelaporan
Kumpulan
Perbadanan



m. surat 7
Sambutan
Aidilfitri
peringkat
Negeri
Kelantan



m. surat 7
Seminar
ERM



m. surat 8
Latihan
keusahawanan
penjaja/
peniaga kecil



m. surat 8
Bengkel
pengeluaran
produk halal



m. surat 9
Berita
Anggota



m. surat 11
Koperasi
PKINK
keluar Zakat


Program Ihya' Ramadhan PKINK Bersama Menteri Besar dan Masyarakat

Majlis berbuka puasa PKINK pada tahun ini diadakan di Masjid Al-Fathul Mubin, Kg. Tok Sadang, Pengkalan Chepa pada 25 Ramadan 1427/18 Oktober 2006 yang lalu.

Program Ihya' Ramadhan PKINK kali ini dilaksanakan di luar pejabat tidak sebagaimana biasa bertujuan untuk mendekatkan kumpulan PKINK dengan masyarakat.

la dimulakan dengan program Tadarus Al-Quran daripada buku yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri Kelantan tahun 1427H iaitu petikan Al-Quran Surah Al-Taubah ayat 38 - 43.

Tadarus Al-Quran dipimpin oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Wan Yahya Wan Salleh dan tafsirnya diulas oleh Ust. Wan Syarafi b. Wan Mustapha dan YB Ust Dato' Abd Halim b. Ab Rahman, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa.



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar sedang menyampaikan tazkirah

Petikan tadarus tahun ini menyentuh persoalan jihad dan pengorbanan umat Islam dalam konteks hari ini.

YAB Tuan Guru turut menyampaikan tazkirah ringkas dalam majlis tersebut yang dihadiri oleh anggota kumpulan PKINK.

bersambung muka surat 6

Sambutan Hari Raya Kumpulan PKINK Meriah




YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar selaku Pengerusi PKINK, turut hadir bagi memeriahkan majlis.

PKINK menganjurkan Rumah Terbuka Hari Raya untuk anggota, ahli keluarga dan para pelanggan PKINK pada 19 November 2006 bertempat di Tempat Letak Kereta Bangunan PKINK, Kota Bharu.

Sebelum ini PKINK mengadakan majlis tersebut diruang Legar, Bangunan PKINK, tetapi pada tahun ini Perbadanan memilih Tempat Letak Kereta, memandangkan ianya lebih luas dan sesuai dengan konsep rumah terbuka.

Majlis bermula jam 10.00 pagi dan berakhir kira-kira jam 2.00 petang. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan majlis tersebut dengan kerjasama Bahagian PSM.

bersambung muka surat 12



Dari Meja Ketua Editor



Bertemu kembali dari meja editor Berita PKINK Bilangan Keempat 2006. Sidang editor kali ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan di atas pembentangan Belanjawan Negeri Kelantan 2007 yang bertemakan "Belanjawan Sejahtera" pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan 22 Syawal 1427/14 November 2006 yang lalu.

Belanjawan Sejahtera ini telah memfokuskan kepada aspek utama iaitu usaha meningkatkan kualiti hidup setiap lapisan rakyat menerusi pendekatan pembangunan sosial yang seimbang dan menyeluruh dengan tambahan peruntukan kepada kebajikan anak yatim, armalah, wanita, orang bukan Islam, orang asli, aktiviti belia, subsidi baja padi, rumah awam kos rendah, bantuan kesihatan rakyat, orang kurang upaya dan pengidap penyakit kronik.

Di samping itu, fokus juga diberikan kepada penambahan peruntukan di dalam sektor pertanian sejajar dengan matlamat menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan.

Dalam konteks ini, harapan Kerajaan Negeri kepada PKINK amatlah besar bagi membangunkan dan memajukan sektor pertanian di Kelantan. Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Kelantan sebagai pengeluar yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Sebagaimana hasrat Kerajaan Negeri tersebut, marilah kita melihat dan merenung kepada petikan dari ucapan bajet 2007 mengenai harapan Kerajaan Negeri kepada Kumpulan PKINK dalam memajukan sektor pertanian. "Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Kelantan sebagai pengeluar yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi.

Kerajaan Negeri berharap agar PKINK dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) terus menjadi perintis kepada pelaburan-pelaburan besar bagi mencetus transformasi sosial dan gelombang-gelombang baru perubahan perekonomian di negeri Kelantan.

Sejajar dengan belanjawan sejahtera yang menepati prinsip pengurusan kewangan Islam yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri untuk manfaat rakyat Kelantan, marilah kita merenung kepada maksud Surah Al-Furqan, ayat 67 yang berbunyi:

"(Orang yang bersifat sebagai ibadur rahman itu ialah) orang yang apabila berbelanja, ia sekali-kali tidak terlalu boros dan tidak pula terlalu kedekut melainkan pertengahan dari itu."

SIDANG EDITOR

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook
Pn. Sofia Aizan Che Soh
Pn. Zakiah Mohamed

PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail
Pn. Nik Farzimar Nik Omar
Pn. Ahlaami Ab. Halim
Pn. Teh Mariam Mohamed
Pn. Hawa M. Salleh
En. Rosdi Said
En. Mohd Ramli Hamzah
En. Zainul Amin Mat Zin

JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,
Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142,
15710 Kota Bharu,
Kelantan
www.pkink.gov.my
tel: 09-7414141 fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE
Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Tel: 09-7472313

10 PETUA UNTUK MENGURUS KETUA ANDA

Hubungan dengan ketua boleh dikatakan hubungan paling penting di tempat kerja.



Apabila kita berfikir tentang mengurus seseorang, kita biasanya berfikir tentang mengurus ahli-ahli pasukan kita atau pekerja bawahan kita. Tajuk di atas muncul buat pertama kalinya untuk beberapa tahun lepas dalam satu artikel majalah "Harvard Business Review" hasil tulisan dua orang ahli psikologi terkenal.

Mengikut pandangan mereka, dalam syarikat moden pekerja bawahan tidak sepenuhnya bergantung kepada ketua mereka, tetapi kompleksnya jaringan hari ini memerlukan keadaan saling bergantung : ketua juga memerlukan pasukannya.

Melalui pengamatan dan kajian yang dilakukan, terkumpulnya 10 petua berkesan yang berkaitan menangani ketua anda, iaitu dengan niat membantu hubungan menjadi lebih berkesan, menggalakkan keputusan dengan cepat, keputusan lebih baik, dan saling mempercayai.

1. Keputusan : Kalau anda tidak mahu jawapan "TIDAK" atau keputusan ditangguh, beri pertolongan kepada ketua anda. Ketua anda ada orang bawahan yang lain dan keputusan-keputusan lain yang hendak di buat. Oleh itu, paling mudah, kalau beliau terdesak untuk membuat keputusan, beliau akan berkata : "Tidak!" Misalnya : "Tidak perkara ini sangat berisiko." "Tidak, kita tidak ada cukup bukti." dan sebagainya.

- ❑ Bagi mengelak perkataan "TIDAK" yang akan mengecewakan semangat pasukan, berikan beliau pertolongan.
- ❑ Ingatkan beliau tentang objektif, daripada terus tergesa-gesa berbincang tentang "apa" dan "bagaimana".
- ❑ Ingatkan beliau akan masalah-masalah yang lepas akibat daripada tidak membuat keputusan.
- ❑ Segera menerangkan pilihan-pilihan yang ada.
- ❑ Beritahulah apa yang anda harapkan daripada beliau.
- ❑ Tumpukan kepada sesuatu titik di mana anda memerlukan pertolongannya.
- ❑ Bersedia dengan data dan bukti jikalau beliau tidak bersetuju.
- ❑ Selepas perbincangan, ringkaskan untuknya keputusan itu.
- ❑ Akhirnya, setelah sesuatu keputusan di buat, mengikut cara anda, cara beliau, atau cara orang lain, jangan mengkritik dari luar secara terbuka.

2. Urus Masa Beliau : Anda mungkin bermakna hanya 1% daripada masalah beliau. Jangan pula jadikannya seolah-olah 100%. Anda ada kerja lain yang hendak di buat. Namun, sementara masa anda digunakan untuk kerja-kerja itu, jangan harap masa ketua anda juga patut dilibatkan.

- ❑ Jika sesuatu perkara itu mudah, ketua anda patut gunakan sedikit masa sahaja atas perkara itu.

bersambung m. surat 5

SIFAT-SIFAT BERANI

Sifat-Sifat berani sememangnya wujud dalam diri setiap manusia.

Sedar ataupun tidak kita semua mempunyai sifat-sifat berani. Cuma yang membezakannya samada sifat berani yang ada pada kita ini adalah **Sifat Berani Yang Negatif** (*sifat berani yang ditegah*) atau **Sifat Berani Yang Positif** (*sifat berani yang dituntut*) atau kedua-duanya sekali.



Apa yang dimaksudkan dengan **Sifat-sifat Berani Yang Negatif** ialah *sifat berani kepada sesuatu yang patut ditakuti atau berani melanggar syariat dan peraturan yang baik, termasuk undang-undang yang dibuat oleh manusia. Dengan kata lain, berani yang merugikan diri sendiri dan sesama manusia, setidak-tidaknya berani yang tidak mendatangkan sebarang manfaat.* Sebagai contoh, berani melakukan maksiat, berani menyakiti hati sahabat, berani melanggar peraturan lalu lintas dan seumpamanya.

Sifat-sifat Berani Yang Positif pula adalah *sifat-sifat jika diamalkan akan mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri dan kepada sesama insan dan digalakkan oleh agama kita. Dengan kata lain, berani hanya kepada yang disuruh oleh Allah SWT dan takut melakukan yang salah dan maksiat.* Sebagai contoh, berani beramal dengan sifat-sifat terpuji, berani menjauhi sifat-sifat yang buruk, berani menghadapi kritikan, berani memberi kritikan yang menyenangkan, berani menghadapi kegagalan dan seumpamanya.

Beberapa **Sifat-sifat Berani Yang Positif** yang harus ada pada diri kita ialah :

1. Berani Menjauhi Sifat-Sifat Yang Buruk

Berdusta (Bohong) : Para ulama bersepakat bahawa yang dikatakan berdusta ialah memberi, menyampaikan maklumat dan laporan yang tidak sesuai, tidak secekok dengan yang sebenarnya. Berdusta ada 3 jenis :

- ❑ *Berdusta dengan perkataan.*
- ❑ *Berdusta dengan tulisan, iaitu membuat sesuatu ikatan, akad, laporan berita yang tidak sesuai dengan kejadian ataupun keadaan yang sebenarnya.*
- ❑ *Berdusta dalam hati, hatinya mendustakan sedang mulutnya membenarkan.*

Hukum ketiga-tiganya adalah haram, dan Allah SWT sangat murka kepada orang-orang yang berbuat demikian sepertimana firmanNya dalam surah Ash-Saf: 3 yang bermaksud: "Sangat besar kemurkaan di sisi Allah (jika) kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan".

Takabur (Sombong) : Satu sifat yang sangat dicela dan dikutuk oleh ajaran Islam. Sifat ini sudah ada sejak Nabi Adam a.s dicipta lagi. Antara sifat yang dimiliki oleh orang yang takabur ialah *mudah marah dan kasar, sering menghina, mencaci, jarang sekali berterima kasih dan memuji kelebihan orang lain, pantang menerima kritikan dan saranan, tidak suka bermusyawarah, tidak mahu mengaku kesalahan atau kekurangan dan sering dengki dengan orang lain.*

bersambung m. surat 4

sambungan dari m. surat 3

Sifat-sifat berani

Sabda Rasulullah SAW (riwayat Muslim): *"Tidak akan dimasukkan ke dalam syurga orang yang di dalam hatinya terdapat sebesar zarah sifat takbur".*

Buruk Sangka : Buruk sangka atau "suudzan" memang sukar dihindari dalam kehidupan sehari-hari yang serba kompleks seperti sekarang ini. Apalagi dipermudahkan dengan berbagai alat kemudahan komunikasi seperti Internet dan SMS yang mana ia mempermudah dan mempercepat penyebaran berita sebelum kesahihan berita disahkan. Begitu juga dengan perbuatan mencari-cari kesalahan orang lain atau "tajasassu", seolah-olah sudah menjadi alat untuk menutupi kesalahan diri sendiri.

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hujuraat: 12 yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Apakah suka salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Mengasihani".*

Mengumpat : Mengumpat itu ialah apabila kamu menyebut perihal saudaramu dengan sesuatu perkara yang dibencinya. Perbuatan itu termasuk apabila menyebut atau menceritakan keburukan biarpun tanpa menyebut nama pelakunya tetapi diketahui oleh orang yang mendengarnya. Buruk dan hinanya mengumpat disamakan dengan memakan daging saudara seagama.

Dosa mengumpat bukan sahaja besar, malah antara dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT biarpun pelakunya betul-betul bertaubat melainkan diampunkan oleh orang yang kena umpat. Di akhirat nanti, pahala pengumpat akan diberi kepada yang kena umpat dan sekiranya tiada pahala lagi dosa yang kena umpat diberi kepada pengumpat. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Humazah: 12 yang bermaksud: *"Celakalah setiap pengumpat lagi pencela".*

Hasad Dengki : Hasad atau dengki adalah satu daripada makiat batin yang boleh membinasakan seseorang. Kata Imam Al-Ghazali, ia sebesar-besar kejahatan manusia yang dicela oleh syarak. Katanya lagi, ketahuilah hasad itu haram dan maknanya ialah engkau suka hilang nikmat daripada orang yang engkau dengki atau turun bala kepada orang itu. Sifat hasad itu mendatangkan kemurkaan kepada Allah SWT. Ia boleh membinasakan diri seseorang dan amalannya.

Sabda Rasulullah SAW (riwayat Abu Daud daripada Abu Hurairah): *"Takutlah kamu semua akan sifat dengki sebab sesungguhnya dengki itu memakan segala kebaikan sebagaimana api memakan kayu bakar".*

Menurut Imam Al-Ghazali, dengki itu ada 3 jenis :

- Menginginkan agar kenikmatan orang lain hilang dan digantikan kepadanya.
- Menginginkan agar kenikmatan orang lain itu hilang sekalipun ia tidak dapat menggantikannya. Asal orang itu jatuh, ia gembira. Ini lebih jahat dari dengki di atas.
- Tidak ingin kalau kenikmatan orang lain itu hilang tetapi ia benci kalau orang itu mendapat kenikmatan lebih daripada yang dimilikinya.

Sabda Rasulullah SAW (riwayat Ibn Masud) : *"Tidak digalakkan adanya perasaan iri hati melainkan pada dua keadaan. Pertama, keadaan orang yang dikurniakan Allah SWT harta benda dan membelanjakannya kepada perkara kebajikan. Kedua, keadaan orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan Agama lalu ia beramal dengannya dan mengajarkannya."* (riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi : Mustika Hadis 106).

2. Berani Beramal Dengan Sifat-Sifat Terpuji

Kejujuran : Jujur adalah nilai dan etika pengurusan organisasi yang diutamakan oleh Islam. Islam menegakkan bahawa perancangan dari atas ke bawah mesti jujur, amanah dan adil dalam pengurusan organisasi. Berani memberi teguran secara bijaksana (hikmah) termasuk dalam sifat jujur dari kaca mata Islam.

Keadilan : Dari segi bahasa "adil" membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Pengistilahan meletakkan sesuatu pada tempatnya adalah berdasarkan kepada ketentuan akidah, syariah dan akhlak serta bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Adil itu meliputi kepada diri sendiri dan orang lain. Dalam bidang pengurusan organisasi, keadilan itu meliputi semua hal dan bidang dari segi peraturan, undang-undang, nilai, etika, pemilihan calon kesesuai jawatan, agihan kerja dan gaji. Pentingnya "keadilan" diperjelaskan lagi oleh Allah SWT dalam Al-Quran surah An-Nisa: 57 yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil".*

Kebenaran : Kebenaran dari kaca mata Islam itu berasaskan kepada iman dan taqwa. Benar tentang niat, perkataan, tingkah laku, tindakan dan dalam melaksanakan tanggungjawab serta tugas pengurusan. Iman dan taqwa menjadi asasnya. Hal inilah yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran surah Al-Taubah: 19 yang bermaksud : *"Hai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah SWT dan hendaklah kamu bersama orang yang benar".*

Kemaafan : Salah dan silap merupakan satu daripada fitrah manusia. Justeru itu jika ia berlaku tanpa niat, maka perbuatan itu harus dimaafkan. Dalam pengurusan organisasi, kemaafan digalakkan oleh Islam untuk memberi peluang kepada anggota yang melakukan kesalahan memperbaikinya. Tetapi ia tidak wajar diulangi lagi kepada anggota yang dimaafkan. Sehubungan dengan ini, Allah SWT telah berfirman dalam surah Al-Nuur : 22 yang bermaksud : *"... dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin Allah mengampunimu? Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".*

Kesabaran: Sabar ialah ketahanan rohani dan jasmani untuk melaksanakan titah perintah Allah SWT dan meninggalkan segala laranganNya. Sabar dari satu segi ialah ketabahan menghadapi kesusahan dan kecekanan untuk mengatasi masalah. Sifat sabar sungguh mulia sekali untuk dihayati oleh anggota pengurusan organisasi kerana ia dimiliki oleh para Rasul. Kesabaranlah yang membimbing seseorang untuk mencapai kejayaan setelah mengalami kegagalan, kerugian, kehampaan dan sebagainya.

Syukur : Seseorang itu belum dikatakan bersyukur kepada Allah sebelum nikmat yang diperolehinya itu digunakan untuk hal-hal yang diredhai Allah.

10 Petua untuk mengurus ketua anda

- Buat temujanji untuk beberapa pertemuan lebih awal.
- 3. Satu Pendapat :** Kalau anda tanya pendapatnya, beliau akan sentiasa ada (satu pendapat). Jarang apabila ditanya, seseorang pengurus/ketua akan bertanya semula kepada anda. Pendapatnya tidak selalu terbaik atau bijaksana. Kadangkala, pendapatnya biasa sahaja. Namun, harus diingatkan, sekali pendapatnya dikeluarkan, ia akan menjadi faktor "penambat". Adakah ia merupakan satu arahan? (anda tidak pasti). Jadi, jika anda tidak mahu pendapatnya menjadi faktor pengikat atau penyekat kemajuan projek anda, jangan tanya pendapat beliau. Cara terbaik ialah jangan tanya pendapat beliau, jika anda tidak memerlukan pendapat beliau.
- Pilih masa yang sesuai bagi mengelakkan kelewatan/tertanggung. Jimatkan masa beliau dengan memberi tumpuan kepada isu besar.
 - Buat persiapan secukupnya sebelum pertemuan
 - Tunjukkan hutan dahulu sebelum menunjukkan pohonnya. Anda mestilah memulakan dengan perkara asas dahulu.
- 4. Maklumat :** Ia bukannya data. Tukarkan anggur kepada wain. Anda sepatutnya menganalisa keputusan ramalan pasaran, bukannya orang yang membawa dokumen tebal yang dipenuhi dengan statistic kepada ketua anda. Jadi, pilihlah; tengoklah; kategorikan data; asingkan bahagian yang penting. Data yang terlalu banyak akan mengakibatkan tekanan, yang seterusnya akan menimbulkan penafian dan penolakan. Sebagai seorang pengurus, anda dibayar untuk mengumpulkan anggur (data), dan jadikannya sebagai wain, contohnya mengumpul maklumat yang berguna.
- Jangan hanya beritahu berita buruk : beritahulah juga berita baik.
 - Pastikan beliau jarang mendapat maklumat dari orang lain.
 - Anda perlu rasional. Anda mungkin perlu mengubahsuai maklumat yang tidak betul.
 - Bulatkan nombor. Misalnya 886262.11 atau 890K? Yang mana lebih mudah untuk membuat keputusan : 79.27% atau 80%
 - Ambil bahagian dalam rangkaian tidak rasmi beliau. Setiap pengurus tidak hanya bergantung kepada maklumat rasmi dalaman. Ada juga maklumat lain, yang tidak rasmi yang di ambil kira.
- 5. Masalah-masalah :** Jangan hanya kemukakan masalah, kemukakan juga penyelesaiannya.
- 6. Anggap-anggapan :** Jangan anggap beliau tahu sebanyak mana yang anda tahu, tapi anggap yang beliau boleh memahami; jadi ajarlah beliau. Bantulah beliau dengan pengetahuan anda. Gunakan bahasa mudah. Kemukakan artikel, contoh-contoh, dan ringkasan yang menolong beliau melihat sesuatu perspektif.
- 7. Delegasi :** Bukan mudah hendak mengetahui dengan sempurna apa yang boleh kita buat bagi pihak ketua kita. Anda ada dua pilihan : sama ada anda buat cara selamat dengan sentiasa bertanya kepada ketua anda. Ini menuju ke arah kerja tertunggak, kerja lumpuh dan "kematian" anda ; kerana ketua anda fikir anda tidak dapat memikul tanggungjawab atau anda ambil banyak kerja, tanggungjawab dan keputusan, kemudian kenal pasti apa yang boleh dan apa yang tidak boleh.
- 8. Janji :** Jangan berjanji dengan apa yang anda tidak mampu menunaikannya. Kepercayaan tidak datang dengan mudah.

Anda tidak akan yakin terhadap ketua anda kalau beliau kerap mengubah fikirannya atau berkata perkara berbeza dengan apa yang anda diberitahu baru-baru ini. Anda juga ingin mengelak dari dianggap tidak boleh harap dengan tidak menghantar kepadanya apa yang anda janji. Jangan berjanji tarikh siap sesuatu projek yang anda tidak mampu tangani. Kalau anda rasa terlalu banyak tugas diberikan kepada anda, bersemuka dan berbincang keutamaan sebelum membuat kerja; lebih baik dari anda menjadi penyebab projek tergendala/lambat. Apa jua keutamaan yang dicapai ia merupakan keutamaan bersama (kerana ketua anda terlibat dalam proses).

9. Perbezaan : Mengurus perbezaan dalam budaya. Ada 4 profil yang boleh dikenal pasti:

- Orang yang suka mengawal perkara dan mengemukakan proses
- Orang yang suka melibatkan orang – lebih memberi kesan atas orang
- Orang yang suka mambereskan kerja – dia sentiasa mula dengan tindakan dan langkah penting
- Orang yang mementingkan idea. Dia mengemukakan cadangan dalam konsep.

Dalam mengurus ketua anda, anda kena tahu ketua anda cenderung kearah mana

10. Kepercayaan : Jangan menyiapkan sesuatu dokumen atau kerja dengan selekeh/simple. Ia boleh menghilangkan kepercayaan orang lain terhadap kita. Dengan menganggap beliau akan semak apa yang kita tulis/cakap; dengan menganggap beliau akan membuat pembetulan, kita kadangkang tidak kemas (dalam penulisan); jadual tidak lengkap; teks tidak dipruf (dibaca semula); destinasi tidak dilawat terlebih dahulu/pilot journey; dan maklumat tidak lengkap.

Dengan tidak melengkapkan fakta, memo, dokumen sokongan, anda pasti beberapa perkara akan diubah.

Kemudian anda akan diminta mengemukakan lebih banyak fakta, dan seterusnya anda akan lihat lebih banyak perubahan. Kemudian, mandat yang anda miliki akan hilang.

KESIMPULAN

Kerja yang lebih baik antara ketua dan pekerja tidak hanya bergantung kepada kepimpinan. Ia ada kena mengena dengan pengurusan ketua; yang mana merangsang prestasi lebih baik, membuat keputusan lebih cepat, dan lebih banyak pencapaian hasil oleh kedua-dua pihak.

22 Ramadan 1427/15 Oktober 2006 satu ceramah agama telah di adakan di Bilik Operasi, Tingkat 10. Penceramah jemputan pula adalah Ust. Ilias bin Ahmad dari Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS.)

Ramadhan adalah "Bulan Pembebasan Dari Api Neraka"

1. Umat Islam patut berusaha untuk mendapat pahala yang banyak daripada Tuhan sepanjang bulan Ramadhan.
2. Hari raya adalah hari "convo" setelah berpuasa dan beramal ibadat selama sebulan. Anugerah Allah adalah keredaan dan keampunanNya.
3. Hari raya bukanlah tiket untuk bersuka ria tanpa batasan. Sebaiknya hari raya diisi dengan bertasbih, bertahmid dan bertahlil, disamping bersuka ria dengan tidak melampaui batas syariat.

sambungan dari muka surat 1

Berbuka Puasa Bersama YAB Tuan Guru Dato, Menteri Besar

Antara peringatan yang boleh dipetik dari ulasan petikan Al-Quran tersebut ialah:

- Allah juga mendedahkan golongan munafik yang hanya sanggup berkerjasama dalam perjuangan sekiranya nampak faedah dan kepentingan diri, juga tidak berhadapan dengan kesusahan. Mereka hanya bermuka-muka, sebenarnya Allah mengetahui sumpah palsu dan pembohongan mereka.

Pada majlis itu juga, Pengerusi PKINK, YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar telah menyampaikan sumbangan kepada 100 orang miskin yang terdiri dari ibu tunggal, anak yatim dan warga emas.

Antara jemputan yang hadir ialah YB Dato' Ab. Halim Ab. Rahman, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa, YB Hj. Nik Mohd Amar Nik Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Sains dan Teknologi dan YB Mej. (B) Hj. Md. Anizam Abd Rahman Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur dan Alam Sekitar.

Hampir 1000 orang terdiri dari masyarakat setempat hadir ke program tersebut. Jamuan berbuka puasa dengan hidangan gulai kawah sebanyak dua ekor lembu disumbangkan PKINK dan derma penduduk setempat.



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar menyampaikan sumbangan kepada orang miskin yang terdiri dari ibu tunggal, anak yatim dan warga emas



Anggota PKINK dan masyarakat setempat mendengar tazkirah Tuan Guru Menteri Besar



Para hadirin menjamu selera selepas berbuka puasa dan solat Maghrib.

Majlis Pembentangan Pakej/Piawai Pelaporan Kumpulan Perbadanan


Pada 29 November 2006 bersamaan 8 Zulkaedah 1427, PKINK telah mengadakan satu malis "Pembentangan Pakej/Piawai Pelaporan Kumpulan Perbadanan" di Bilik Mesyuarat Lembaga, Bangunan PKINK, Kota Bharu.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Jawatankuasa Audit dan Naziran PKINK, pihak Pengurusan Perbadanan serta Juruaudit-Juruaudit Luar Syarikat Kumpulan PKINK.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk:

1. Menyeragam-kan laporan kewangan bagi Kumpulan PKINK dengan tujuan Penyatuan Akaun Kumpulan.
2. Memastikan pendedahan nota kepada akaun dalam penyata kewangan mencukupi.
3. Pematuhan kepada Akta Syarikat 1965 dan MASB

Pembentangan tersebut telah disampaikan oleh Abu Bakar Rajudin dari Tetuan Abu Bakar Rajudin & Co.



Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan AJK Audit dan Naziran mendengar pembentangan Pakej/Piawai Pelaporan yang disampaikan oleh Abu Bakar Rajudin



Abu Bakar Rajudin dari Tetuan Abu Bakar Rajudin & Co. menyampaikan taklimat tersebut

PKINK Menyertai Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Kelantan

24 Syawal 1427 bersamaan 16 November 2006, PKINK sekali lagi telah menyertai majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Negeri Kelantan anjuran Pejabat SUK yang diadakan di Kompleks Kota Darul Naim. PKINK bersama-sama dengan agensi Kerajaan yang lain telah menyediakan berbagai juadah makanan yang terdiri dari 50 gerai semuanya.

PKINK melalui syarikat anak, Perdana Resort menampilkan Mee Kari dan Mee Goreng Mamak. Majlis bermula kira-kira jam 11.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang.


Antara jemputan kehormat yang hadir ialah YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Dewan Negeri, YAM Tengku Amalin A'ishah Putri Sultan Ismail Petra, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan anggota-anggota kerajaan. Manakala pegawai PKINK yang hadir ialah Ketua Eksekutif, Timbalan Ketua Eksekutif dan Pengurus-Pengurus Syarikat Anak Kumpulan PKINK.



Gerai PKINK menyediakan Mee Goreng Mamak dan Mee Kari



Antara Jemputan Kehormat yang terdiri dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri



YAM Tengku Amalin A'ishah Putri Sultan Ismail Petra, bersama YBhg. Datin Hj. Tuan Sabariah isteri YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar dan YBhg. Datin Hj. Rosneli isteri YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan ketika melawat gerai PKINK

Seminar "Enterprise Risk Management"

21 Disember 2006 bersamaan 30 Zulkaedah 1427, PKINK telah menganjurkan satu seminar yang bertajuk "Enterprise Risk Management" (ERM) di Tingkat 10, Bangunan PKINK, Kota Bharu. Seminar tersebut telah di sampaikan oleh Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Naib Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ia telah dihadiri oleh pihak Pengurusan Perbadanan dan Syarikat-Syarikat Kumpulan serta juruaudit-Juruaudit dalaman PKINK

Seminar tersebut diadakan dengan tujuan untuk mendedahkan kepentingan menguruskan risiko secara komprehensif di dalam sesebuah entiti/ agensi. Setiap perniagaan tidak terkecuali daripada menghadapi risiko yang akan berlaku dan boleh menjejaskan pencapaian objektif sesebuah entiti/agensi. Justeru itu setiap individu hendaklah mengambil bahagian dalam mengurus dan menangani risiko ini, yang di ketuai oleh Ketua eksekutif dan pemantauan oleh Lembaga Pengarah, yang mana akan

menjamin kejayaan pelaksanaan ERM ini.

Seminar tersebut terbahagi kepada dua sesi iaitu:

1. Sesi pagi mengenai konsep ERM dan bagaimana ianya diguna pakai dalam tadbir urus agensi. Sesi ini dihadiri oleh Pengurusan Perbadanan dan Syarikat-Syarikat Kumpulan serta juruaudit dalaman PKINK.
2. Sesi petang mengenai impak ERM kepada fungsi Audit Dalaman PKINK. Sesi ini dihadiri oleh Juruaudit-Juruaudit Dalaman PKINK

Adalah diharapkan seminar tersebut dapat memberi manfaat kepada Kumpulan PKINK sebagaimana yang direncanakan.



Seminar telah di sampaikan oleh Nik Mohd Hasyudeen Yusoff.



Antara peserta yang hadir pada seminar tersebut

LATIHAN KEUSAHAWANAN PENJAJA & PENIAGA KECIL SIRI 3/2006

Kuala Krai - 26 November 2006, Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKINK telah mengadakan Latihan Keusahawanan Penjaja & Peniaga Kecil Siri 3/2006, dalam konteks untuk melatih dan memperluaskan pengetahuan di kalangan penjaja dan peniaga kecil. Program ini telah diadakan di Kolej Risda Kelantan, Bukit Sireh, Kuala Krai dan berakhir pada 29 November 2006.

Pengisian slot Latihan Siri 3/2006 merupakan kombinasi Modul 5 & 6 sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sebagaimana berikut:-

- Pengenalan Rancangan Perniagaan & Format Penyediaan Rancangan Perniagaan.
- Rancangan Pentadbiran Perniagaan
- Rancangan Kewangan
- Rancangan Pemasaran
- Rancangan Operasi
- Pembungkusan & Pelabelan Produk
- Persembahan Rancangan Perniagaan

Bagi menentukan segala maklumat dan kandungan modul dapat disalurkan secara berkesan dan benar-benar difahami oleh semua peserta, program

latihan ini telah dimulakan seawal jam 8.30 pagi dan berakhir kira-kira jam 12.00 malam. Namun apa yang membanggakan pihak kami selaku Urusetia Program adalah sikap dan komitmen yang ditunjukkan oleh peserta yang langsung tidak menunjukkan rasa muak tapi sentiasa bersemangat dengan rasa ingin tahu yang seolah-olah tiada penghujungnya.

Majlis Penutupan Rasmi dan penyampaian sijil penyertaan kepada kesemua peserta yang mengikuti program latihan ini telah disempurnakan oleh Encik Che Ab. Aziz b. Md. Noor, Ketua Penolong Pengarah, Institut Latihan Keusahawanan Negara (INSKEN) pada jam 4.30 petang, 29 November 2006. Dalam ucapannya En. Che Ab. Aziz melahirkan rasa syukur dan gembira dengan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua peserta terbahit lebih-lebih lagi beliau sendiri sempat menyaksikan persembahan rancangan perniagaan kumpulan yang dimana persembahan tersebut merupakan

resolusi atau intipati program yang sekaligus telah menggambarkan tahap kefahaman dan pencapaian mereka. Beliau juga menyarankan agar peserta-peserta program melibatkan diri dengan menyertai program-program latihan yang lebih tinggi dan khusus pada masa-masa yang akan datang. Sesungguhnya peluang untuk menimba ilmu dan membina kerjaya yang berkaitan dengan bidang keusahawanan sentiasa terbentang luas untuk diterokai. Oleh itu peserta perlu memupuk minat dan komitmen sendiri dalam usaha untuk memantapkan lagi diri mereka.



Penyampaian sijil kepada peserta oleh En. Che Ab. Aziz Md. Noor

BENGGEL PERLAKSANAAN PENGELUARAN PRODUK HALAL KELANTAN 2006

Bengkel Pelaksanaan Pengeluaran Produk Halal Kelantan telah diadakan pada 15 -16 November 2006 bertempat di Hotel Grand Riverview Kota Bharu hasil kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan pihak SIRIM Berhad. Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk menyusun satu pelan tindakan yang efektif bagi memastikan produk-produk halal yang dikeluarkan di negeri ini bukan sahaja dapat menepati standard dan keperluan persijilan HALAL, malah akan dapat memenuhi citarasa pengguna dan dapat bersaing bukan sahaja di pasaran tempatan malah menembusi pasaran antarabangsa. Pelan tindakan pengeluaran tersebut akan meliputi program-program berikut:-

- i) mengenalpasti dan membangunkan produk
- ii) program peningkatan pengusaha
- iii) piawaian produk
- iv) pembungkusan, penjenamaan dan pelabelan

v) program-program pemasaran

Buat permulaannya program ini akan mengenalpasti produk-produk makanan yang sedia ada serta produk baru yang berpotensi untuk dimajukan serta mengenalpasti pengusaha yang terlibat. Pengusaha tersebut akan didedahkan dengan program pembangunan dan peningkatan supaya pengeluaran produk-produk halal tersebut mempunyai nilai komersil dan keupayaan dayasaing diperingkat antarabangsa. Produk-produk yang dikenalpasti akan melalui proses piawaian untuk memenuhi standard HALAL, GMP dan HACCP. Seterusnya

produk tersebut akan melalui proses pembungkusan atau pembungkusan semula melalui program pembungkusan, penjenamaan dan pelabelan sebelum dipasarkan samada untuk pasaran tempatan atau luar negara.

Bagi memastikan sumber-sumber asas tempatan digunakan secara maksima, langkah-langkah telah diambil untuk membangun dan mengeluarkan



Sebahagian peserta Bengkel Pelaksanaan Pengeluaran Produk Halal Kelantan 2006

BERITA ANGGOTA

AL - FATIAH

Puan Rosbi Razak, anggota PKINK yang berkhidmat di Bahagian Galakan Industri dan IKS telah kehilangan suami tersayang Sakeri Ab. Rahman pada 3 Disember 2006. Suami beliau telah kembali ke rahmatullah pada jam 4.40 pagi di Hospital Machang akibat serangan jantung pada usia 56 tahun dan meninggalkan seorang isteri dan 4 orang anak, seorang perempuan dan tiga lelaki. Semoga Allah s.w.t. mencucuri RahmatNya ke atas roh alahyarham dan menempatkan bersama-sama golongan para solihin, Al-Fatihah...

PERSARAAN ANGGOTA



Untuk tempoh Oktober hingga Disember 2006, seorang anggota PKINK telah m e n a m a t k a n perkhidmatannya, apabila sampai tempoh persaraan wajib. Anggota

tersebut ialah En. Abdullah Che Hussein yang berkhidmat sebagai Juruteknik Kanan telah bersara wajib pada 2.11.2006. Beliau mula berkhidmat dengan PKINK mulai 15.8.1981 sebagai Pembantu Perancang Bandar dan Desa. Sebelum itu beliau pernah berkhidmat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Pembantu Perancang Bandar mulai 31.1.1972 dan dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Perancang Bandar Kanan pada 1.9.1980.

Di PKINK beliau telah dinaikkan pangkat kepada Juruteknik Tingkatan Kanan pada 1.11.1991. Beliau telah berkhidmat sebagai anggota kerajaan selama 34 tahun 9 bulan 2 hari

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

Majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang 2005 menutup tirai aktiviti kebajikan PKINK bagi tahun 2006. Ia diadakan pada 6 Zulhijjah 1427H/ 27 Disember 2006 di Hotel Perdana, Kota Bharu.

Anugerah bernilai RM1,000.00 seorang telah disampaikan oleh Tn. Hj Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Seramai 12 orang anggota PKINK telah dinilai cemerlang sebagaimana berikut

Nama Anggota	Mula khidmat dgn PKINK	Penempatan Terkini
1. Nik Kamil Amirah Nik Abd.Rahman	01/08/2000	Kewangan
2. Rusli Ismail	01/08/1996	Pembangunan Usahawan
3. Ahmad Hilmi Mohd.Nawawi	17/07/2002	Pengurusan Sumber Manusia
4. Ridzuan Sidek	18/06/2000	MIS
5. Zainul Amin Mat Zin	21/07/2002	Kewangan
6. Md.Kharani @Md.Rafi M.Salleh	02/05/1974	Pengurusan Sumber Manusia
7. Noorliza Ghazali	15/02/1995	Bahagian Ketua Eksekutif
8. Hilmiyatu Dhauwiyah Ibrahim	01/08/2002	Audit & Naziran
9. Apandi Yusoff	01/01/1973	Projek & Hartanah
10. Remli Hussin	01/01/1980	Projek & Hartanah
11. Aziz Mahmud	02/04/1979	Perancangan Korporat
12. Jasni Yusoff	02/04/1979	Kewangan

bersambung muka surat 10



Penerima anugerah Khidmat Cemerlang 2005 bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan Timbalan Ketua Eksekutif (HEK)

PENYUSUNAN ANGGOTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN SEPANJANG TAHUN 2006

BIL	NAMA	DARIPADA	KEPADA
1.	Abas Salleh	Pengurus Audit Dalam & Naziran	Timbalan Ketua Eksekutif (P&P)
2.	Mohd Razali Deraman	Pengurus Kewangan	Pengurus Audit dalam & Naziran
3.	Jumodi Abdullah	Pen. Pengurus Khidmat Teknikal	Pengurus Projek Khas
4.	Mohammad Naim Mamat	Pengurus Besar KPKB	Pengurus Perdagangan Antarabangsa
5.	Amran Ahmad	Pengurus Besar Kelstone Sdn Bhd	Pen. Pengurus Perancangan Korporat
6.	Ahmad Nazri Ismail	Pen. Pengurus Projek & Hartanah	Pen. Pengurus Projek Khas
7.	Abdullah Che Hussin	Bahagian Projek & Hartanah	Bahagian Projek khas
8.	Anizam Ab. Rahman	Bahagian Projek & Hartanah	Bahagian Projek Khas
9.	Norliza Ab. Razak	Bahagian Audit Dalam & Naziran	Bahagian Timb. Ketua Eksekutif (P&P)
10.	Hilmiyatu Dhauwiyah Ibrahim	Bahagian Timb. Ketua Eksekutif (P&P)	Bahagian Audit Dalam & Naziran
11.	Azman Hassan	Pejabat Ketua Eksekutif	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
12.	Azizah Mustapha	Bahagian Perancangan Korporat	Bahagian Audit Dalam & Naziran
13.	Azmin Mohamed	Sinaran Pantai Timur Consortium Bhd	Bahagian Khidmat Teknikal
14.	Mohd Adnan Jaafar	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Perdagangan Antarabangsa
15.	Mazlan Mohd Ragam	Bahagian Galakan Industri & IKS	Bahagian Pembangunan Usahawan
16.	Hasnah Ahmad	Bahagian Audit Dalam & Naziran	Bahagian Perdagangan Antarabangsa
17.	Ab. Aziz Iberahim	Bahagian Pembangunan Usahawan	Bahagian Audit Dalam & Naziran
18.	Zaidin Mustapha	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Perancangan Korporat

MENGATASI MASALAH PERUT BUNCIT

Kenapa perut semakin buncit?..... Masalah ini akan timbul apabila usia semakin meningkat, lebih-lebih lagi ketika usia muda, kita tidak pernah menjaganya. Selain tidak selesa, masalah cara berpakaian juga akan timbul, baju yang hanya bersaiz XL atau lebih teruk XXL sahaja yang sesuai untuk kita. Kalau pakai seluar jeans amat sukar, selalunya sendat di perut sehingga nampak menggelembung.

Sebenarnya perut buncit dialami oleh banyak orang, ini disebabkan faktor diet yang tidak betul dan juga gaya hidup. Jangan risau, anda tidak keseorangan mengalami masalah ini, di sini ada cara untuk mengurangkannya.

Minum Banyak Air

Jika perut penuh disebabkan oleh penyimpanan air, anda sebenarnya dapat mengurangi masalah tersebut dengan minum lebih banyak air. Hal ini akan mencairkan konsentrasi sodium dalam tubuh sehingga meningkatkan jumlah air yang keluar dari sistem tubuh. Minum lebih banyak air juga menjamin fungsi hempedu berkesan untuk mengeluarkan bahan toksin.

Makan Perlahan-lahan

Jangan makan gelojoh, kerana ketika anda menelan terlalu cepat, udara akan tertahan dalam usus dan membentuk

gas yang mengakibatkan penggelembungan perut. Duduk ketika makan dan kunyah makanan secara perlahan-lahan. Makanan yang kurang hancur tidak dapat dicerna dengan sempurna yang akhirnya menghasilkan banyak gas yang menimbulkan penggelembungan.

Mengurangkan Pengambilan Garam

Terlalu banyak garam dalam diet menambah ekstra sodium terhadap cairan tubuh yang memperlambat mekanisme sehingga mendorong air keluar dari sel. Akibatnya perut terasa penuh dan menggelembung.

Pengambilan Serat

Serat adalah elemen penting dalam diet, tetapi untuk mengimbangi penyimpanan air yang menyebabkan penggelembungan, pengambilan serat dalam buah-buah seperti epal dan pir banyak membantu, kerana ia memiliki kandungan air yang tinggi.

Awasi Ubat-Ubatan

Perut yang mengembang adalah kesan sampingan dari pengambilan ubat. Asprin kadang-kadang menyebabkan masalah perut yang mengakibatkan sembelit dan penggelembungan, termasuk pil kontrasepsi.

Hindari Sembelit

Sembelit didefinisikan sebagai buang air besar kurang dari lima kali dalam seminggu atau jika terlibat ketegangan. Akibatnya perut terasa bertambah besar. Untuk merangsang isi perut, tingkatkan pengambilan serat dari buah-buahan dan sayuran, amalkan secara berterusan untuk menghindari fermentasi dan pengeluaran gas yang berlebihan.

Bersenam

Olahraga atau bersenam akan membantu menggerakkan cairan dalam perut yang dapat menyebabkan perut menggelembung dengan mendorongnya keluar dari jaringan dan masuk ke aliran darah dimana akan dikeluarkan sebagai peluh atau dibawa ke hempedu untuk dikeluarkan sebagai air kencing.

Elakkan Mandi Selepas Waktu Malam

Perut yang buncit juga boleh berpunca dari kegiatan mandi selepas waktu makan, oleh itu cuba elakkan.

Selamat mencuba dan InsyaAllah kita tengok hasilnya kemudian nanti.

Kerajaan Negeri Menyokong Penggunaan IT.

11 Disember 2006 - Kelab Penyokong Kerajaan Negeri Kelantan tidak ketinggalan dalam era IT semasa, dimana seramai 15 orang telah menyertai satu sesi pembelajaran IT yang diadakan di Makmal Siber, PKINK. Tenaga pengajar ialah Zainal Abidin Husin dari Kelab itu sendiri dan Mohd Ridzuan Alias dari Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri kelantan melalui topik emel dan penggunaan Microsoft Word. Kelas itu diadakan dengan hasrat agar penggunaan IT dapat melancarkan dan meningkatkan lagi produktiviti mereka yang hadir.

Makmal Siber PKINK yang dilengkapi dengan sebanyak 20 buah komputer berangkaian dengan talian internet broadband telah dimanfaatkan untuk sesi pembelajaran tersebut. Ini merupakan kelas pertama yang diadakan setelah proses menaiktaraf talian internet PKINK dibuat.

sambungan dari muka surat 9

Khidmat Cemerlang Anggota PKINK 2005

Dalam ucapan alu-aluannya, Tn. Hj Wan Yahya berkata majlis ini akan dijadikan sebagai satu acara tahunan. Beliau menasihati anggota agar berkhidmat dengan lebih cemerlang bagi sama-sama memajukan Organisasi dan Kerajaan, untuk kesejahteraan Ummah.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau juga menyentuh beberapa perkara, antaranya;

1. PKINK banyak menganjurkan program untuk kebajikan anggotanya, tetapi sambutan kurang menggalakkan. Yang ketara sekali ialah Kuliah Mingguan dan Bulanan, kehadiran anggota tidak menggalakkan. Begitu juga program naik tangga seminggu sekali, sambutan anggota semakin berkurangan, walaupun pihak Pengurusan menyediakan minuman pagi untuk mereka yang terlibat. Beliau berharap agar program-program yang diatur dapat dihayati oleh semua anggota.

2. Semua anggota disarankan agar sentiasa muhasabah diri, jangan suka melihat kelemahan orang lain, sebaliknya lihatlah kelemahan diri sendiri.
3. Setiap program/seminar yang disertai perlulah disemak dan diteliti, jangan ada anggota yang sama kerap hadir. Setiap program/seminar yang dihadiri jangan terlalu fokus hanya kepada satu bidang, sepatutnya bidang yang diceburi biarlah lebih luas.
4. Aktiviti sukan yang dianjurkan selalunya melibatkan anggota yang sama, sepatutnya lebih ramai anggota yang terlibat baik program sukan mahupun badan dakwah, kerana menjaga kesihatan adalah tanggungjawab individu.
5. Penganugerah khidmat cemerlang, yang penting adalah pengiktirafan bukannya wang ringgit. Tahniah kepada 12 orang anggota yang menerima anugerah cemerlang.
6. Ketua Eksekutif mengalu-alukan sebarang cadangan dari anggota untuk kepentingan semua.

sambungan dari muka surat 4

Sifat-sifat berani

3. Berani Menghadapi Kritikan

Perasaan takut kepada kritikan merenggut inisiatif seseorang, merosak kekuatan imajinasinya, membatasi kebebasan individu, merampas sifat berdikarinya, dan merugikan dalam banyak hal. Takut menghadapi kritikan akan membuat seseorang pekerja takut meletakkan target yang tinggi bila menjalankan sesuatu kerja. Majikan yang memahami sifat manusia mendapat yang terbaik dari pekerjaannya bukan dengan kritikan, melainkan dengan dorongan yang membina.

4. Berani Mengkritik Secara Menyenangkan

Kemukakan kritik yang membina. Tunjukkanlah bagaimana yang sebaiknya. Jangan hanya mencari-cari kesalahan. Kalau anda tidak tahu bagaimana sebaiknya untuk melakukannya, lebih baik anda diam. Cara-cara memberi kritikan yang positif ialah :

- Kritiklah di bawah empat mata dan jangan sekali-kali mengkritik di depan orang ramai.*
- Lakukan itu dengan cara bersahabat.*
- Mula dengan memuji orang yang bakal dikritik.*

- Kritiklah dengan mengemukakan kepentingan orang yang dikritik dan organisasi.*
- Kemukakan kritik yang membina.*
- Akhirlah kritik anda dengan memuji orang berkenaan.*

5. Berani Menghadapi Kegagalan

Orang yang berjaya tidak pernah mempunyai perasaan takut kepada kegagalan. Bahkan kegagalan merupakan pelajaran terbaik bagi mereka. Orang yang takut gagal dalam mencapai cita-citanya lebih senang menjadi penonton dan pengkritik. Pengkritik yang paling lantang biasanya datang dari orang yang kecewa dan iri hati terhadap kejayaan orang lain.

sambungan dari muka surat 8

Bengkel Pelaksanaan Pengeluaran Produk Halal

produk halal yang dikenalpasti sebagaimana berikut:-

- i) **Produk Halal Berasaskan Buah-Buahan** : Produk ini bermula dengan pengeluaran produk separuh siap dalam aktiviti huluan seperti produk puri buah-buahan dan juga penggaraman. Seterusnya produk-produk siap seperti sos, jus, kordial, jeruk, jem dan lain-lain produk yang melibatkan pengetinan dan pembotolan.
- ii) **Produk Halal Berasaskan Ikan** : Produk ini dicadangkan dibina dikawasan pendaratan ikan Tok Bali, Pasir Puteh. Disini pelbagai produk separuh siap dan produk siap akan dikeluarkan. Sebuah kilang ikan baja dicadangkan dibina bagi menghasilkan produk separuh siap seperti fish meat dan sebagainya. Produk siap lain yang akan dikeluarkan ialah seperti keropok, bebola ikan/sotong/udang, fish cake, surimi, sos bilis/ikan dan

makanan kering berasaskan hasil laut.

- iii) **Produk Halal Berasaskan Daging/ Ayam** : Pengeluaran produk ini akan dijalankan di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa dengan menggunakan kilang-kilang sediabina milik PKINK yang tidak digunakan. Kilang-kilang ini akan diubahsuai mengikut spesifikasi dan keperluan pengusaha untuk memenuhi standard dan piawaian yang perlu dipatuhi.
- iv) **Produk Halal Bersaskan Roti, Pastrri Dan Kek** : Pengeluaran produk ini akan ditempatkan di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa dengan menggunakan kilang-kilang sediabina milik PKINK yang tidak digunakan. Pusat ini dijangka akan dapat menghasilkan produk berasaskan roti, pastrri dan kek yang diiktiraf halal dan terulung di Kelantan dan juga Malaysia.

- v) **Produk Halal Berasaskan Herba** : Pusat ini kelak akan berkonsepkan 'one stop centre' yang akan dibangunkan untuk memproses produk-produk berasaskan herba yang akan berfungsi sebagai platform yang dilengkapi dengan kemudahan mesin, pusat R&D, khidmat pakar runding dan rangkaian bekalan bahan mentah.

Disepanjang tempoh dua hari bengkel ini diadakan seramai hampir lima puluh orang peserta mewakili lima jenis pengeluaran sebagaimana di atas telah mengikutinya. Pelbagai kertas kerja yang berkaitan telah disampaikan oleh Pegawai-Pegawai Kanan SIRIM Berhad, MARDI, Kementerian Kesihatan, Prima, Gloheks, MATRADE dan sebagainya. Hampir kesemua aspek yang berkaitan dengan pengeluaran produk halal termasuklah aspek keperluan penjenamaan, Sistem Peningkatan Kualiti, Perlindungan Harta Intelek dan sebagainya telah didedahkan kepada para peserta yang hadir dan diharapkan melalui program-program susulan yang akan diselaras dan dikelolakan oleh PKINK selaku Sekretariat akan membuahkan hasil yang baik kelak.



Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK mewakili Koperasi mengeluarkan zakat di pejabat MAIK sambil disaksikan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi

KOPERASI PKINK BHD KELUAR ZAKAT PERNIAGAAN

Koperasi dengan penuh keikhlasan tetap mematuhi kehendak syariah Islam dengan berzakat dalam perniagaannya pada setiap tahun apabila mendapat keuntungan semenjak tahun 2000 lagi.


Pada 19 Oktober 2006, Koperasi PKINK yang diwakili oleh Tuan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK selaku Penasihat Koperasi telah membuat Bayaran sebanyak RM35,000 kepada Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sebelum ini, Koperasi telahpun mengeluarkan zakat bernilai RM20,000 bagi tahun 2001, RM25,000 bagi tahun 2002, RM25,500 bagi tahun 2003 dan RM30,000 bagi tahun 2004

Jamuan Hari Raya Kumpulan PKINK

Seramai kira-kira 1,000 anggota Kumpulan PKINK dan dif-dif jemputan telah hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis tersebut.

Dalam ucapan ringkas Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, beliau menyarankan agar semua anggota Kumpulan PKINK memupuk semangat kekeluargaan di dalam Kumpulan PKINK, rasa sayang kepada organisasi, dan menjadikan kerja-kerja harian sebagai ibadat yang akan dapat membawa kebaikan dunia dan akhirat. Insyallah kecemerlangan diri akan membawa kepada kecemerlangan organisasi.

Antara tetamu jemputan yang hadir ialah YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan bersama isteri, YB Hj Zulkifli Mamat, Exco Kerajaan Negeri serta wakil-wakil dari Jabatan Negeri dan Persekutuan.



Ketua Eksekutif bersama anggota Kumpulan PKINK



YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar dan Datin menikmati juadah yang disediakan



Anggota Kumpulan PKINK dan Keluarga menjamu selesa



Isteri kepada Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK menyampaikan "tree gift" kepada kanak-kanak yang hadir

Kebajikan Anggota Juga tidak tidak dilupakan



Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada balu anggota PKINK



Pengurus PSM menyampaikan sumbangan derma untuk perubatan kepada isteri anggota PKINK

PKINK Sumbang kepada PASTI Negeri Kelantan

Kota Bharu - 25 Disember 2006, bertempat di JKR 10 Kg. Sireh, PKINK telah memberi sumbangan kepada Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam (PASTI) Negeri Kelantan, berupa buku latihan sebagai buku tambahan kepada buku teks yang diwajibkan.

Buku-buku latihan tersebut ialah:

1. Asas Bahasa Melayu
2. Asas Matematik
3. Asas Bahasa Inggeris
4. Asas Menulis Abjad Jawi
5. Mari Belajar Bahasa Arab

Buku-buku ini dapat dimanfaatkan oleh kira-kira 2,200 pelajar Pra Sekolah di seluruh Negeri Kelantan. Sumbangan sosial kepada pendidikan Islam Pra Sekolah ini melibatkan tajaan buku-buku tersebut selama 4 tahun dengan kos RM27,500 setahun.



Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK menyampaikan sumbangan buku tersebut kepada YB Mohamad Zaki Ibrahim, Pengarah PASTI Kelantan



Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) menyampaikan hamper Hari Raya Aidilfitri kepada anggota PKINK



TKE (HEK) menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada anggota PKINK yang mempunyai anak penyakit kronik

Dengan tajaan ini murid-murid pra sekolah tersebut dapat mengurangkan sedikit perbelanjaan, yang mana selama ini buku-buku tersebut terpaksa dibeli sendiri.